

LAPORAN TAHUNAN 2023



Isi Kandungan

Visi & Misi

Perutusan Pengerusi PKNP

Ahli-Ahli Perbadanan PKNP

Carta Organisasi PKNP

Pengurusan PKNP

Laporan Pengurusan

Kalendar Tahun 2023

Laporan dan Penyata Kewangan

VISI

*“PKNP terus menjadi
Penggerak Utama Pembangunan Ekonomi Negeri
Demi Kesejahteraan Rakyat”*

*“Sebagai Pemacu dan Penjana Ekonomi Negeri
melalui Pembangunan Perindustrian, Hartanah
dan Pelaburan Terpilih Ke Arah Mempertingkatkan
Sosio Ekonomi Rakyat Negeri Pahang”*

MISI

LAPORAN TAHUNAN 2023
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PERUTUSAN Pengerusi

Syukur ke hadrat ALLAH SWT atas limpah dan kurnia-Nya, saya bagi pihak Ahli-ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) mementangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan PKNP yang berakhir pada 31 Disember 2023.

Bagi tahun 2023, PKNP telah menyelesaikan urusan niaga penebusan Call & Put Option bagi saham Passcorp Paper Industries (PPI) kepada LKPP Corporation Sdn Bhd berjumlah RM74.50 juta dengan pembayaran RM 10 juta tunai dan bakinya secara kontra tanah industri di Kawasan Perindustrian Gebeng.

Selain itu, bagi memastikan obligasi kepada Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan PKNP mengunjurkan sumbangan sebanyak RM 5 juta sebagai sokongan kepada usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri disamping melunaskan pembayaran anuiti pinjaman kerajaan berjumlah RM 8.87 juta.

Dalam tahun 2023 juga, PKNP telah komited menyelesaikan pembayaran obligasi kewangan iaitu pembiayaan RC-i Bank Islam Malaysia Berhad berjumlah RM10 juta.

PKNP saban tahun berusaha dalam meningkatkan pendapatan dan aliran tunai, penjanaan hasil daripada penjualan, sewaan, dan pajakan stok-stok hartanah sedia ada dan usaha ini digiatkan lagi pada tahun 2023 dengan mewujudkan sinergi antara agensi-agensi promosi pelaburan Kerajaan Negeri yang lain termasuk Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK), Pahang Corporation Sdn. Bhd. (PCorp) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

PKNP sebagai salah satu agensi yang menyumbang kepada ekonomi Negeri Pahang akan terus beroperasi dengan mengamalkan penjimatan dalam perbelanjaan dan menyokong program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pahang.




Projek Pembangunan Ladang Solar LSS4 di Pekan, Pahang yang bakal menyediakan 200 peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di negeri Pahang

Sektor Perindustrian

Ekonomi Malaysia merekodkan prestasi memberangsangkan dengan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 3.6% untuk tahun 2023, berikutan pertumbuhan kukuh yang dicatatkan pada tahun sebelumnya (2022: 8.7%). Pertumbuhan keseluruhan tahun 2023 adalah sedikit rendah berbanding unjuran Belanjawan 2024 iaitu sekitar 4%.

Menurut YAB. Perdana Menteri Malaysia, pertumbuhan pada suku keempat tahun 2023 disokong oleh peningkatan asas ekonomi iaitu antara lain:

- Pasaran buruh mencatat momentum pertumbuhan positif dengan kadar pengangguran berkurangan kepada paras prapandemik 3.3% pada S4 2023 (S3 2023: 3.4%).
- Inflasi menyederhana kepada 1.6% (S3 2023: 2%) menunjukkan keberkesanan strategi Kerajaan menyasarkan semula subsidi yang tidak menyebabkan kejutan kepada keseluruhan ekonomi. Bagi bulan Disember 2023, kadar inflasi mereda kepada 1.5%. Kadar ini adalah lebih rendah berbanding ekonomi negara maju dan serantau yang lain seperti Zon Euro (2.9%), Republik Korea (3.2%), Amerika Syarikat (3.4%), Filipina (3.9%) dan Indonesia (2.6%).
- Pelaburan langsung asing bersih (FDI) direkodkan sebanyak RM17.1 bilion pada S4 2023 (S3 2023: RM7.2 bilion).
- Negeri Pahang mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dari kadar pertumbuhan ekonomi Nasional iaitu 10.8 peratus. Prestasi yang baik ini didorong oleh sektor perkhidmatan yang tumbuh pesat didorong oleh industri berkaitan pelancongan iaitu subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman serta penginapan.



Sumber: Keluaran dalam negara kasar oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembangunan Hartanah

Pada tahun 2023, PKNP menumpukan kepada pembangunan satu (1) projek komersial iaitu Projek Perumahan Chempereh Fasa 1 di Janda Baik, Bentong yang melibatkan 71 unit rumah.

Pada 1 November 2023, PKNP bersama Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang (LPHP) telah menandatangani Perjanjian Pembangunan Semula dan Baikpulih Projek Skim Perumahan Kos Rendah (SPKR) secara Subsidi Bersilang di atas Tanah Kerajaan seluas 18 Ekar di Taman Jaya Diri, Mukim Chenor, Daerah Maran.

Selain itu, pada 28 November 2023, PKNP juga telah menandatangani Perjanjian Pembangunan Semula dan Baikpulih Projek Skim Perumahan Kos Rendah (SPKR) secara Subsidi Bersilang di atas Tanah Kerajaan seluas 18 Ekar di Taman Jaya Diri, Mukim Chenor, Daerah Maran bersama syarikat Loyal Engineering Sdn Bhd.

Projek ini merangkumi 186 unit rumah SPKR berkembar setingkat dan akan diserahkan oleh PKNP kepada Kerajaan Negeri melalui LPHP secara percuma. Sebagai bayaran bagi pembangunan semula projek perumahan SPKR tersebut, tanah Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) seluas 79.25 ekar di Sg Soi, Mukim Kuala Kuantan akan dipindahmilik kepada PKNP.

Bagi meneruskan agenda pembangunan Negara bagi tahun 2023, PKNP telah meneruskan pelaksanaan pembangunan empat (4) projek di bawah geran peruntukan daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Ekonomi yang mana telah diluluskan pada tahun 2023 dan kini dipantau oleh Kementerian Ekonomi.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar mengadakan kunjungan hormat bagi Cadangan Penstrukturan Projek Pembangunan Bercampur Taman Saujana Utama, Jerantut

Sektor Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan

Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan lebih memfokus kepada golongan sasar iaitu usahawan-usahawan yang ada hubungan dengan PKNP seperti penyewa premis perniagaan, IKS dan usahawan bimbingan PKNP. Tambahan lain yang telah dilakukan adalah bagi meluaskan lagi penyebaran maklumat, sektor ini juga telah menggunakan sosial media seperti Facebook dan Tiktok yang terbuka kepada umum untuk mengikuti program secara live.

Antara program yang dijalankan melibatkan program berikut:-

1. Program Transformasi Keusahawanan PKNP
2. Latihan Keusahawanan
3. Program Pembangunan Komuniti



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP bersama-sama peserta program di salah sebuah program usahawan

Sektor Korporat (Komersial)

Sektor korporat juga memainkan peranan dalam menyumbang kepada sumber pendapatan PKNP. Berikut merupakan pencapaian anak-anak syarikat PKNP pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya:-

Bil	Syarikat	Keuntungan / Kerugian		Prestasi
		2022	2023	
1	PKNP Mineral Ind.Sdn Bhd	571,586	403,759	↓
2	PKNP Agro-Tech Sdn Bhd	5,455,419	2,071,855	↓
3	RT Dev. & Eng. Sdn Bhd	1,200,076	(368,288)	↓
4	Rumpun Timur Sdn Bhd	34,302	601,882	↑
5	BCIC Holdings Sdn Bhd	26,511	(192,943)	↓
6	Realistic Attraction Sdn Bhd	112,624	93,711	↓
7	Pascorp Paper Industries	- 18,036,850	- 20,036,850	↓
Jumlah		38,920,850	39,183,162	



Antara projek di bawah RT Development & Engineering Sdn. Bhd adalah Projek Pembangunan Perumahan di Taman Peramu Permai, Pekan

PROSPEK & PERANCANGAN MASA DEPAN

Bagi tempoh 2021-2026, PKNP juga telah menetapkan Pelan Strategik jangka panjang untuk memberi fokus kepada pelaksanaan strategi-strategi berikut:-

- Memantapkan penerokaan bisnes baru secara strategik serta mewujudkan Kumpulan PKNP yang tinggi daya saing;
- Memperkukuhkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan dan aset organisasi;
- Meningkatkan hasil jualan, sewaan dan pajakan aset hartanah;
- Memantapkan profesionalisme perancangan dan pengurusan pembangunan hartanah;
- Membudayakan integriti dan mengukuh pematuhan terhadap dasar dan prosedur organisasi;
- Mempunyai sistem penyampaian serta proses kerja bernilai tambah dan berinovasi;
- Meningkatkan kecekapan kawalan perundangan dan risiko dalam organisasi;
- Meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan;
- Memantapkan keupayaan pengurusan harta;
- Memperkasa jenama dan imej organisasi;
- Meningkatkan komitmen organisasi di dalam mendokong dan melaksana agenda kerajaan negeri;
- Membangunkan komuniti usahawan dan produk niaga yang kreatif, berdaya saing tinggi dan kompeten; dan
- Memperkasa Kompetensi dan kesiagaan modal insan organisasi.

PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, PKNP telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM 54.51 juta berbanding dengan pencapaian sebanyak RM 22.79 juta bagi tahun sebelumnya.

Manakala di peringkat kumpulan PKNP mencatatkan keuntungan RM 66.17 juta berbanding pada tahun 2022, keuntungan sebanyak RM 32.09 juta.

Secara ringkas, kedudukan kewangan PKNP dan Kumpulan bagi tahun 2022 dan 2023 adalah seperti di bawah:

Ringkasan Penyata Pendapatan bagi tahun 31 Disember 2023

	Kumpulan		Perbadanan	
	2023	2022	2023	2022
	(RM JUTA)		(RM JUTA)	
Perolehan	193.28	157.87	158.08	121.08
Keuntungan / kerugian (sebelum cukai)	84.12	44.86	71.52	33.35
Cukai	(16.04)	(11.78)	(15.10)	(9.56)
Zakat	(1.90)	(1.00)	(1.90)	(1.00)
Keuntungan / kerugian Bersih tahun semasa	66.17	32.09	54.51	22.79

PENGHARGAAN

PKNP telah mencapai pelbagai kejayaan pada tahun 2023 dengan memenangi beberapa anugerah penting antaranya Anugerah Platinum untuk Anugerah Pentadbiran Cemerlang (APEC) dan Anugerah Promising Produktiviti bagi Anugerah Pahang 1st 2023. Malah, PKNP turut meraih Anugerah 5 bintang untuk Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2022.

Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Pihak Pengurusan PKNP dan seluruh Warga Kerja Kumpulan PKNP yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang, jujur dan berdedikasi dalam melunaskan peranan masing-masing.

Bagi tahun 2024, saya berharap semua pihak terus melaksanakan tugas dengan penuh integriti dalam mendokong misi dan visi PKNP, memastikan pencapaian cemerlang bagi tahun 2023 dapat dikekalkan dan melipatgandakan usaha demi kecemerlangan PKNP pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.


YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
SSAP.,SUMW.,DSAP.,DIMP.,SMP.,AMP.

Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang


Laporan Pengurusan bagi tahun 2023 mengikut sektor :-

SEKTOR PERINDUSTRIAN

Ekonomi Malaysia menyederhana kepada 3.6 peratus pada tahun 2023 daripada 8.9 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang menyumbang 82.6 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Dari segi permintaan, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta kekal sebagai komponen terbesar dengan sumbangan sebanyak 60.7 peratus kepada KDNK pada tahun 2023. KDNK Malaysia pada harga semasa berjumlah RM1.82 trilion pada tahun 2023 dan RM1.57 trilion pada harga malar. Berdasarkan prestasi keseluruhan semasa, Pendapatan Negara Kasar per kapita mencatatkan RM53,021 berbanding RM53,121 pada tahun 2022.



Sektor Pembuatan bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan pada 0.7 peratus (2022: 8.1%) pada tahun 2023, seperti dibawah. Pertumbuhan sederhana ini dipengaruhi oleh produk berorientasikan domestik seperti Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan pada 3.6 peratus (2022: 15.2%), Pemprosesan makanan pada 5.5 peratus (2022: 7.9%) dan Produk logam yang direka pada 7.0 peratus (2022: 7.0%). Walau bagaimanapun, produk berorientasikan eksport seperti Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna dan Produk petroleum bertapis masing-masing menyusut 3.0 peratus (2022: 16.7%) dan 2.3 peratus (2022: 5.4%), telah mengurangkan pertumbuhan keseluruhan sektor ini.



(Sumber: Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia)

DATA - DATA PELABURAN 2023

Prestasi Pelaburan Malaysia

Malaysia telah mencapai prestasi pelaburan bersejarah pada tahun 2023, dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak **RM329.5 bilion** dalam pelbagai sektor ekonomi. Pihak MIDA menyatakan bahawa ini adalah bukti kekuatan dasar-dasar negara yang direka untuk menggalakkan pertumbuhan dan peluang pelaburan.

Bagi sektor pembuatan sahaja, dengan nilai RM152 bilion daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, 62.9 peratus atau RM95.5 bilion berasal daripada perniagaan sedia ada yang diperkembangkan operasinya. Analisis MIDA terhadap pelaksanaan projek tahunan telah mendedahkan trend yang konsisten dan ketara dimana lebih 85 peratus daripada projek pembuatan yang diluluskan pada tahun 2021 dan 2022 telah pun dilaksanakan.

Bagi projek yang diluluskan pada tahun 2023 pula, 50.1 peratus daripada projek-projek ini diperingkat pelaksanaan. Kerajaan, melalui MITI dan MIDA, kekal teguh dalam dedikasi mereka untuk memajukan matlamat di bawah Kerangka Ekonomi MADANI, mendorong penciptaan pekerjaan berkualiti dan manfaat ekonomi untuk rakyat.

Berikut merupakan perincian prestasi pelaburan Malaysia:

Perkara	Nilai
Pelaburan Tempatan	RM 141.1 Billion (42.8%)
Pelaburan Asing	RM188.4 Billion (57.2%)
Kelulusan Projek	5,101 Projek
Pekerjaan Baru Ditawarkan	127,332 Pekerjaan

Berikut merupakan lima (5) negeri yang mencatatkan pelaburan tempatan tertinggi di Malaysia dan lima (5) negara yang menyumbang kepada pelaburan asing di Malaysia:

 Pulau Pinang	71.9
 W. P. Kuala Lumpur	58.3
 Selangor	55.3
 Johor	43.1
 Kedah	28.7

 Singapore	43.7
 The Netherlands	35.5
 USA	21.5
 Cayman Islands	17.5
 The People's Republic of China	14.5

(Sumber: Malaysian Investment Development Authority, MIDA)

Prestasi Pelaburan Pahang

Secara keseluruhan, data daripada MIDA bagi tahun 2023 nilai pelaburan tercatat di Negeri Pahang adalah sebanyak **RM 2.975 Billion**. Perincian prestasi adalah sepertimana berikut:

Perkara	Nilai
Pelaburan Tempatan	RM 2.087 Billion
Pelaburan Asing	RM0.887 Billion

Pelaburan Pahang melalui seketeriat penjenamaan “Invest Pahang” kini digunapakai bagi apa jua pelaburan yang masuk di Negeri Pahang. Antara keahlian di dalamnya adalah pihak-pihak Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Pahang (S-GLC) dan juga pihak-pihak rakan strategik yang berkaitan.

PKNP selaku Agensi Kerajaan Negeri Pahang sentiasa berperanan dalam Sektor Perkilangan Pahang sebagai pusat sehenti bagi pelabur (One-Stop-Agency). Sepanjang tahun 2023, beberapa siri mesyuarat bersama pelabur telah dilaksanakan bersama wakil-wakil agensi teknikal Negeri Pahang bagi membincangkan isu-isu yang dihadapi pelabur dalam permohonan-permohonan yang memerlukan kelulusan di peringkat agensi teknikal ini. Dengan wujudnya siri-siri mesyuarat ini juga ianya membantu mempercepatkan saluran maklumat yang diperlukan pelabur serta mempercepatkan proses-proses yang terlibat.

Pencapaian PKNP 2023

Bagi tahun ini melalui Bahagian Perindustrian PKNP, terdapat sepuluh (10) sewaan / pajakan yang baru menyumbang kepada aliran masuk PKNP. Berikut merupakan syarikat yang telah menandatangani perjanjian sewaan / pajakan pada tahun 2023:

Bil	Nama	Kawasan Perindustrian
1.	M.N.S Diamond Resources	Harbour Park
2.	China Communication Construction (ECRL)	Gebeng II

3.	Tenda Global Mining	Tanjung Gelang
4.	Double Win Recycle Sdn. Bhd.	Gebeng II
5.	Affluent Oasis Sdn. Bhd	Habour Park
6.	Klang Tyre Oil Sdn. Bhd.	Padang Tengku
7.	Esstar Vision Property Sdn. Bhd.	Gebeng III
8.	Afaa Group Industries Sdn. Bhd.	Kompleks Makanan Halal
9.	Hiap Ngai E&C Sdn. Bhd	Gebeng II
10.	Rakannusa Engineering & Services Sdn. Bhd	Gebeng III

Secara kasar jumlah kutipan bagi sewaan / pajakan adalah sebanyak **RM1.2 juta sebulan.**

Program Promosi Pelaburan di Negeri Pahang 2023

Usaha-usaha mempromosi tanah industri sentiasa dipertingkatkan melalui kerjasama semua agensi promosi Kerajaan Negeri yang berkaitan seperti Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang (PSK), Pahang Corporation, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) dan lain-lain yang terlibat.

Antara program yang telah dilaksanakan dalam tempoh 2023 adalah sepertimana berikut:

Bil.	Perkara
1.	Penyertaan dalam Selangor International Business Summit di bawah payung branding Invest Pahang

2.	Pengemaskinian laman sesawang “Invest In Pahang” www.investinpahang.gov.my
3.	Lawatan fasiliti ke kilang-kilang pelabur di seluruh Negeri Pahang (Kilang Baru)
4.	Lawatan fasiliti ke kilang-kilang pelabur di seluruh Negeri Pahang bersama agensi-agensi pelaburan Negeri Pahang

Berikut merupakan gambar-gambar aktiviti sepanjang tahun 2023 dibawah seliaan Bahagian Perindustrian PKNP:-

	
<i>Lawatan bersama Exco YB. Dato Mohamad Nizar ke Kawasan Perindustrian Gebeng dan Kuatan Port, Januari 2023</i>	
	
<i>Sesi bersama Pelabur Indonesia dan perbincangan cadangan Projek di Kawasan Perindustrian Tanjung Agas, Februari 2023</i>	
	
<i>Mesyyarat Agung Tahunan Malaysian - Japan Association (MAJECA)</i>	

kali ke-46, Jun 2023



Kunjung hormat dari Linde Malaysia Sdn. Bhd., Jun 2023



*Lawatan tapak ke Projek Ladang Solar PKNP Reneuco Suria Sdn. Bhd.
di Pekan Pahang, Julai 2023*



*Penyertaan PKNP di bawah payung Invest Pahang di Selangor
International Business Summit, Oktober 2023*



*Sesi Penerangan Insentif dan jenis bantuan yang ditawarkan dari pihak
MIDA, Oktober 2023*

	
<i>Kunjung hormat dari pekilang di Gebeng iaitu Wilhelmina Energy Malaysia Sdn. Bhd., November 2023</i>	
	
<i>Lawatan ke Pusat Penyelidikan kilang Wilhelmina Energy Malaysia Sdn. Bhd., November 2023</i>	
	
<i>Lawatan berinformasi pihak PMINT ke PKNP, Disember 2023</i>	

PENUTUP

Pencapaian ekonomi yang memberangsangkan dalam tahun 2023 menunjukkan Malaysia berada pada landasan kukuh dimana pencapaian pelaburan Malaysia secara keseluruhan, 23% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya iaitu tahun 2022.

PKNP selaku antara agensi pelaksana pelaburan dalam sektor perkilangan Negeri Pahang sentiasa bersedia dan berperanan untuk membantu pelabur- pelabur baru yang berpotensi untuk bertapak dan beroperasi di Pahang disamping menyumbang melonjakkan ekonomi negeri secara amnya.

SEKTOR HARTANAH

PROJEK KOMERSIL

Projek Komersil iaitu Projek Perumahan Chemperoh Fasa 1 di Janda Baik, Daerah Bentong yang merangkumi 71 unit rumah dijangka siap pada Suku Ketiga tahun 2024. Komponen pembangunan adalah seperti berikut:

Cadangan Projek	Komponen/ Jenis Pembangunan	Jumlah Unit	Status 2023
Perumahan Chemperoh Fasa I	Rumah Berkembar	6	Projek dijangka siap pada Suku Ketiga 2024
	Rumah Teres A	39	Kemajuan kerja sehingga Disember 2023 telah mencapai 98%.
	Rumah teres B	26	
	Jumlah	71	

PROJEK USAHASAMA

Pada 1 November 2023, PKNP bersama Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang (LPHP) telah menandatangani Perjanjian Pembangunan Semula dan Baikpulih Projek Skim Perumahan Kos Rendah (SPKR) secara Subsidi Bersilang di atas Tanah Kerajaan seluas 18 Ekar di Taman Jaya Diri, Mukim Chenor, Daerah Maran.

Selain itu, pada 28 November 2023, PKNP juga telah menandatangani Perjanjian Pembangunan Semula dan Baikpulih Projek Skim Perumahan Kos Rendah (SPKR) secara Subsidi Bersilang di atas Tanah Kerajaan seluas 18 Ekar di Taman Jaya Diri, Mukim Chenor, Daerah Maran bersama syarikat Loyal Engineering Sdn Bhd.

Projek ini merangkumi 186 unit rumah SPKR berkembar setingkat dan akan diserahkan oleh PKNP kepada Kerajaan Negeri melalui LPHP secara percuma. Sebagai bayaran bagi pembangunan semula projek perumahan SPKR tersebut, tanah Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) seluas 79.25 ekar di Sg Soi, Mukim Kuala Kuantan akan dipindahmilik kepada PKNP.

Selain itu, status bagi projek-projek untuk cadangan usahasama yang lain adalah sepertimana jadual di bawah:-

Cadangan Projek	Komponen/ Jenis Pembangunan	Unit	Status 2023
Perumahan Bandar Baru Chendor (RT Development Engineering Sdn Bhd)	Rumah Berkembar Rumah Teres	22	Pembangunan ini merangkumi 4 fasa sepertimana yang berikut: I. 22 unit rumah teres 1 tingkat II. 20 unit rumah berkembar 1 tingkat III. 20 unit rumah teres 1 tingkat IV. 20 unit rumah berkembar 1 tingkat Setakat Disember 2023, 6 salinan borang Pindahmilik 14A berserta geran asal telah diserahkan kepada RTDE bagi penyempurnaan dokumen suratcara Borang Pindahmilik.

Perumahan Bandar Baru Chendor (Majutera Makmur Sdn Bhd)	Rumah Teres Rumah Sesebuah Rumah Berkembar	170	Terdapat sedikit pindaan terhadap Pelan Infrastruktur yang perlu dipatuhi oleh Pemaju. Pelan tersebut dijangka akan dikemukakan kepada OSC MBK pada Februari 2024.
Projek Usahasama Pembangunan Perumahan yang mengandungi 300 unit rumah di Taman Saujana Utama, Jerantut (Pembinaan Jaya Depan Sdn Bhd)	Rumah Teres Rumah Berkembar Rumah Sesebuah	300	Setakat Disember 2023, pindaan bagi permohonan kebenaran merancang telah dihantar oleh Pemaju kepada OSC MDJ.
Projek Usahasama Pembangunan Perumahan yang mengandungi 93 unit rumah di Kampung Berchang, Mukim Telang, Lipis (Pembinaan Jaya Depan Sdn Bhd)	Rumah Teres Rumah Berkembar	93	Mesyuarat OSC MDL yang bersidang pada 29 November 2023 telah meluluskan permohonan kebenaran merancang dengan keputusan adalah lulus penuh.

PROJEK SOSIO-EKONOMI / RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMK)

Bagi meneruskan agenda pembangunan Negara bagi tahun 2023, PKNP telah meneruskan pelaksanaan pembangunan empat (4) projek di bawah geran

peruntukan daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Ekonomi yang mana telah diluluskan pada tahun 2023 dan kini dipantau oleh Kementerian Ekonomi.

Status projek-projek tersebut sehingga Disember 2023 adalah sepertimana berikut:-

Bil	Nama Projek	Komponen/ Jenis Pembangunan	Bil. Unit	Status 2022
1.	Pusat Pertumbuhan Desa di Kg. Panching	Kedai 1 1/2 Tingkat	4	Projek di dalam proses pembinaan dan kemajuan fizikal terkini 60%
2.	Menaiktaraf Fasiliti Usahawan Kompleks Dagangan Mahkota	Naiktaraf Fasiliti	11	Pembinaan telah bermula dan kemajuan fizikal terkini adalah 30%
3.	Pusat Pertumbuhan Desa Beserah, Kuantan	Kedai 1 Tingkat	5	Projek di dalam proses pembinaan dan kemajuan fizikal terkini 85%
4.	Menaiktaraf Perkampungan Kraf Diraja Tunku Azizah di Pulau Keladi, Pekan	Naiktaraf Fasiliti	-	Projek di dalam proses pembinaan dan kemajuan fizikal terkini 65%

**PROJEK SOSIO-EKONOMI /PROJEK KHAS BAWAH UNIT PERANCANG
EKONOMI (EPU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)**

- i. Projek-projek yang sebelum ini diluluskan peruntukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada 2019 kini juga dipantau oleh Kementerian Ekonomi iaitu Projek Kecil Berimpak Tinggi. Pelaksanaan Projek Kecil Berimpak Tinggi ini adalah di bawah penyelarasan PKNP dan jumlah projek adalah seperti berikut:-

Nama Projek	Bilangan Projek	Jumlah Peruntukan Diluluskan
Projek Berimpak Tinggi di Bawah Projek Khas MEA (Kini dibawah Kementerian Ekonomi)	77 Projek -61 Projek Sebutarga (61 Projek Telah Siap) -16 Projek Tender (7 projek telah siap, 8 di dalam proses perlaksanaan kerja di tapak, manakala 1 projek dalam proses penyediaan dokumen tender)	51.3 juta

- ii. Projek-projek yang ini diluluskan peruntukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada 2022 dan 2023 kini juga dipantau oleh Kementerian Ekonomi iaitu Projek Kecil Berimpak Tinggi. Pelaksanaan Projek Kecil Berimpak Tinggi ini adalah di bawah penyelarasan PKNP dan jumlah projek adalah seperti berikut:-

Tahun	Nama Projek	Bilangan Projek	Jumlah Peruntukan Diluluskan
2022	Projek Berimpak Tinggi di Bawah Projek Khas MEA (Kini dibawah Projek Khas Kementerian Ekonomi)	30 Projek 26 projek telah selesai, 4 projek dalam proses perlaksanaan dan sebut harga	9 juta
2023	Projek Berimpak Tinggi di Bawah Projek Khas MEA (Kini dibawah Projek Khas Kementerian Ekonomi)	48 Projek Dalam proses penyediaan sebut harga	19 juta

- iii. Projek-projek yang diluluskan pada tahun 2023 oleh Kementerian Ekonomi dibawah Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) di bawah penyelarasan PKNP dan jumlah projek adalah seperti berikut:-

Tahun	Nama Projek	Bilangan Projek	Jumlah Peruntukan Diluluskan
2023	Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR)	20 Projek 3 projek dalam perlaksanaan, 17 projek dalam proses sebut harga	4 juta

SEKTOR PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KEUSAHAWANAN

PRESTASI 2023

Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan (PKK) lebih memfokus kepada golongan sasar iaitu usahawan-usahawan yang ada hubungan dengan PKNP seperti penyewa premis perniagaan, IKS dan usahawan bimbingan PKNP. Tambahan lain yang telah dilakukan adalah bagi meluaskan lagi penyebaran maklumat Bahagian PKK telah menggunakan sosial media seperti Facebook dan Tiktok yang terbuka kepada umum untuk mengikuti program secara live. Berikut adalah prestasi pelaksanaan projek bagi tahun 2023.

Program Transformasi Keusahawanan PKNP

PKNP melalui Program Transformasi Keusahawanan telah mengatur sesi khidmat nasihat dan coaching secara individu atau kumpulan kecil usahawan bagi meningkatkan semangat dan mencari solusi dalam kesediaan usahawan bangkit menghadapi pasca covid-19. Peserta ini kemudiannya disarankan menyertai program-program latihan berkaitan yang dianjurkan oleh agensi terlibat. Aktiviti pepadanan peluang-peluang perniagaan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan turut di maklumkan melalui siri Master Your Own Business (MYOB), sesi Padanan Perniagaan (Business Matching) dan Business Clinic (Pocket Talk).

Latihan Keusahawanan

Dalam usaha membantu meningkatkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran para usahawan bumiputera khususnya untuk usahawan bimbingan PKNP, Bahagian PKK telah mempergiatkan aktiviti latihan keusahawanan. Sebanyak 11 aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2023 melalui kolaborasi dengan agensi luar dan penganjuran PKNP sendiri. Seramai 365 orang peserta telah menyertai program-program yang dianjurkan. Modul latihan 2023 lebih memfokuskan kepada penjenamaan, pemasaran digital dan online business melalui sosial media serta hebahan insentif dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

Program Pembangunan Komuniti

Sebanyak satu program komuniti telah dijalankan oleh bahagian PKK pada tahun 2023 iaitu Kursus Usahawan Cakna Digital, Ke Arah Memperkasa Komuniti Berteknologi. Kursus yang dijalankan selama empat hari ini dianjurkan dengan kerjasama Kolej Komuniti Kuantan dengan penyertaan peserta seramai 30 orang. Sebanyak empat modul yang diajarkan sepanjang program berlangsung iaitu Start Up BMC Knowledge, Graphic Design For Business, Tiktok Creator & Tiktok Business Shop Set Up.

RUMUSAN

Sebanyak 12 program yang dapat dilaksanakan yang melibatkan lebih 395 penyertaan melalui penganjuran PKNP dan juga penganjuran bersama Rakan Strategik, NGO dan Kerajaan Negeri Pahang yang hanya melibatkan perbelanjaan sebanyak RM16,620.00 sahaja. Pelbagai pendekatan latihan dan bimbingan telah dilaksanakan sama ada secara bersemuka mahupun secara atas talian dalam memastikan usahawan Negeri Pahang mendapat maklumat dan mengambil peluang bagi menikmati kemudahan serta mendapat manfaat yang disediakan oleh pelbagai agensi.

Program Anjuran PKNP (Program Transformasi Keusahawanan PKNP)

BIL.	PROGRAM	TARIKH	PENYERTAAN
1.	Program Jom Jana Pendapatan Sebagai Digital Freelancer Dengan Kerjasama Pelan & Dasar Tindakan Wanita Pahang dan MDEC	22 & 23 Feb 2023	90
2.	Master Your Own Business (MYOB) bersama peniaga Bazar Kaki Lima Kompleks Teruntum	07 Mac 2023	15
3.	Program Pembuatan Filem dan Penghasilan Konten Secara	06 & 07 Jun 2023	54

	Professional dengan kerjasama Happy Campers Production Sdn Bhd		
4.	Program Tiktokshop Jaya Niaga Digital Wanita Pahang dengan kerjasama Dasar & Pelan Tindakan Wanita Pahang dan MDEC	15 Jun 2023	111

Program Kerjasama Dengan Pihak Luar

BIL.	PROGRAM	TARIKH	PENYERTAAN
1.	Booth Pameran sempena Uniten Entrepreneur Day	28 Feb 2023	-
2.	Program Meta Boost dengan kerjasama SME Corp	17 Mei 2023	-
3.	Program Bimbingan Usahawan 2023 (PBU23) anjuran dengan kerjasama SSM Pahang	18 Mei 2023	-
4.	Booth Pameran Sempena Karnival Hari Usahawan Negeri Pahang 2023	23, 24, & 25 Jun 2023	-
5.	Forum Wacana Wanita Inspirasiku	09 Jul 2023	-
6.	Program Rakan Niaga MyPreneur Bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang	28 Nov 2023	47
7.	Program Pemantapan Digitalisasi Usahawanita Dengan Kerjasama Dasar & Pelan Tindakan Wanita Pahang dan FAMA	26 Dis 2023	48

Program Komuniti

BIL.	PROGRAM	TARIKH	PENYERTAAN
1.	Program Usahawan Cakna Digital Dengan Kerjasama Kolej Komuniti Kuantan	13, 14, 19 & 20 Ogos 2023	30

SEKTOR PELABURAN

Secara keseluruhannya, PKNP mempunyai enam (6) anak syarikat dengan pegangan penuh 100 % sepertimana berikut:-

Bil	Nama Syarikat	Sektor	Tahun Ditubuhkan
1	PKNP Mineral Industries Sdn Bhd	Perlombongan	1999
2	PKNP Agro-Tech Sdn Bhd	Perladangan	1992
3	RT Development & Engineering Sdn Bhd	Hartanah	1994
4	Rumpun Timur Sdn Bhd	Agri - Business	1998
5	BCIC Holdings Sdn Bhd	Penyewaan Fasiliti	1989
6	Realistic Attraction Sdn Bhd	Textile	1993

Aktiviti Utama Anak Syarikat adalah seperti berikut :-

PKNP Mineral Industries Sdn Bhd (PMISB)

Operasi syarikat tertumpu dalam membantu pelaksanaan kutipan hasil perlombongan bagi pihak PKNP untuk sepuluh (10) projek perlombongan PKNP serta dua (2) projek penswastan perlombongan yang masih aktif.



PKNP Agro -Tech Sdn Bhd (PASB)

Syarikat PKNP Agro -Tech Sdn Bhd (PASB) bertanggungjawab menguruskan ladang kelapa sawit yang merangkumi penanaman dan penjualan hasil tanaman bagi pihak PKNP. Berikut merupakan senarai ladang yang diuruskan oleh syarikat:

Projek	Lokasi	Keluasan (ek)
Ladang Mukim Ganchong	Ganchong, Pekan	4,770
Ladang Mukim Hulu Tembeling	Sg. Kembir, Jerantut	10,000
Ladang Rompin	Kg. Sembayan Rompin	1,000



RT Development & Engineering Sdn Bhd (RTDE)

Syarikat RT Development & Engineering Sdn Bhd (RTDE) ditubuhkan untuk membangunkan sektor hartanah di sekitar Negeri Pahang dalam memenuhi hasrat dan keperluan seluruh rakyat Pahang untuk memperoleh rumah mampu milik dan berkualiti.

Antara projek yang telah siap dilaksanakan adalah seperti Sinaran Mahkota, Mahkota Triangle, The Oasis dan Peramu Permai Fasa 1 & 2. Syarikat juga sedang menjalankan dan menyiapkan beberapa projek seperti Seberang Balok dan Peramu Permai Fasa 4A yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2023. Selain itu juga, Syarikat sedang merancang pembangunan pada tahun 2023 - 2025 yang menyasarkan beberapa projek baru seperti Chendor, Peramu Permai Fasa 4B & 4C dan juga pembangunan tanah milik di Ketapang, Pekan.



Rumpun Timur Sdn Bhd (RTSB)

Operasi syarikat Rumpun Timur Sdn Bhd (RTSB) tertumpu kepada perniagaan sewa pajak bagi projek akuakultur, projek solar dan ladang kelapa sawit serta sewaan reban.



BCIC Holdings Sdn Bhd (BCIC)

Syarikat BCIC Holdings Sdn Bhd (BCIC) bergiat dalam pengendalian kursus / seminar dan juga penyewaan fasiliti. Terkini, syarikat juga mengendalikan pengurusan rumah - rumah rehat kerajaan Negeri Pahang di Raub, Jerantut dan Bera.



Realistic Attraction Sdn Bhd (RASB)

Syarikat Realistic Attraction Sdn. Bhd. (RASB) bergiat dalam penghasilan kain tenun Pahang Diraja. Syarikat juga menghasilkan barangan seperti bag, kasut, dan tali leher yang berasaskan tenun. Terkini, syarikat menyediakan khidmat menghasilkan baju korporat bagi agensi - agensi di sekitar Negeri Pahang.



Prestasi Anak-Anak Syarikat PKNP

Pada tahun 2023, semua anak syarikat PKNP telah menunjukkan perkembangan positif selepas berhadapan dengan cabaran Covid-19. Namun, terdapat juga syarikat yang sedang berusaha untuk kembali menapak dan mencari perniagaan baru. Secara keseluruhannya, prestasi anak-anak syarikat PKNP adalah amat baik apabila berjaya mencatatkan keuntungan. Ringkasan prestasi keseluruhan syarikat adalah seperti berikut:

1. PKNP Agro-Tech Sdn Bhd (PASB)

Syarikat PASB telah mencatatkan peningkatan dalam pendapatan berbanding tahun 2022 sebanyak 20% apabila memperoleh RM 27.27 juta berbanding RM 22.76 juta pada tahun sebelumnya. Manakala keuntungan sebelum cukai yang diperoleh adalah sebanyak RM 2.77 juta berbanding RM 7.14 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, pencapaian ini adalah sepertimana jumlah yang dibajetkan. Faktor utama kepada prestasi ini adalah kemasukan pekerja asing yang menyumbang kepada peningkatan hasil ladang di Ganchong, Sebeyan dan Hulu Tembeling.

2. PKNP Mineral Industries Sdn Bhd (PMISB)

Syarikat PMISB telah memperoleh pendapatan sebanyak RM 0.94 juta berbanding RM 1.1 juta pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, prestasi ini lebih baik daripada jumlah yang dibajetkan iaitu RM 0.81 juta. Manakala keuntungan yang diperoleh adalah sebanyak RM 0.40 juta berbanding 0.57 juta pada tahun sebelumnya. Namun demikian, pencapaian ini lebih baik daripada jumlah yang dibajetkan iaitu RM 0.28 juta.

3. Realistic Attraction Sdn Bhd (RASB)

Syarikat RASB telah mencatat pendapatan sebanyak RM 1.27 juta berbanding RM 1.25 juta pada tahun 2022. Manakala keuntungan sebelum cukai pada tahun 2023 adalah sebanyak RM 0.12 juta berbanding RM 0.15 juta pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2023, permintaan kain tenun masih memberangsangkan terutamanya daripada agensi-agensi kerajaan dan aktiviti-aktiviti promosi juga terus giat dijalankan.

4. RT Development & Engineering Sdn Bhd (RTDE)



Syarikat RTDE mencatatkan penurunan dalam pendapatan berbanding tahun 2023 sebanyak 24% apabila memperoleh sebanyak RM 7.91 juta berbanding RM 9.17 juta pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, pencapaian ini telah mengatasi jumlah yang dibajetkan pada tahun tersebut iaitu RM 6.26 juta. Manakala syarikat telah mencatatkan kerugian sebanyak RM 0.29 juta berbanding RM 1.2 juta pada tahun sebelumnya. Hal ini adalah berikutan pelantikan kontraktor baru bagi projek Peramu Permai Fasa 4A, Pekan yang menyebabkan jualan tidak dapat dibuat sepertimana dalam perancangan.

5. BCIC Holdings Sdn Bhd (BCIC)

Syarikat BCIC mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 19% dengan memperoleh RM 1.58 juta berbanding RM 1.33 juta pada tahun sebelumnya. Namun begitu, BCIC mencatatkan kerugian sebanyak RM 0.2 juta berikutan syarikat perlu menanggung kos operasi yang tinggi untuk Rumah Rehat Raub dan Bera.

6. Rumpun Timur Sdn Bhd (RTSB)

Syarikat RTSB memperoleh pendapatan sebanyak RM1.27 juta dengan peningkatan 9% berbanding tahun sebelumnya. Manakala syarikat turut mencatatkan peningkatan dalam Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak 79% apabila berjaya memperoleh senyuk RM 0.33 juta.



SEKTOR PENGURUSAN KUALITI, RISIKO & INTEGRITI

KUALITI

PKNP telah berjaya mengekalkan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016 tanpa syarat. Sesi Audit Pemantauan 1 (*Surveillance Audit 1*) telah dilaksanakan selama dua hari iaitu pada 7 dan 8 Disember 2023, diketuai oleh Encik Khalid bin Saleman serta diiringi oleh juruaudit bertugas, Encik Azran bin Mohammad Ridzuan, Encik Sethuraman Ramasamy dan Puan Nurshierie Sheirina bin Mohammad Za'im.

- Tempoh sijil Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015) adalah sehingga Disember 2025
- Tempoh sijil Sistem Pengurusan Anti Rasuah (MS ISO 37001:2016) adalah sehingga Mac 2026

INTEGRITI

AIGA

1. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) berjaya memenangi kategori Perak bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 Peringkat Kebangsaan yang telah berlangsung di Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya pada 22 Februari 2024.
2. Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada sektor awam dan sektor swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus serta inisiatif anti rasuah dalam organisasi masing-masing.

PROGRAM - PENGUKUHAN INTEGRITI

Program Pengurusan Integriti telah dihadiri dan disertai oleh seluruh anggota pekerja yang bertujuan bagi mengukuhkan lagi penginstitutionan integriti dari segi

pembudayaan dan pelaksanaan inisiatif integriti.

Unit Pengurusan Kualiti, Risiko & Integriti (KRI) telah melaksanakan beberapa program Pengukuhan Integriti sepanjang tahun 2023 sebagaimana berikut:

BIL	PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI	TARIKH
1.	Ikrar Integriti semasa Majlis Perhimpunan Awal Tahun	4 Januari 2023
2.	Penambahbaikan Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah (No Gift Policy) sebanyak 9 bunting di Kompleks Teruntum.	27 Januari 2023
3.	Sesi Perkongsian Ilmu “Islam dan Integriti” oleh Ustaz Mohd Hafidz bin Mohamad Suhaile di Dewan Utama EDC, Kompleks Teruntum.	17 April 2023
4.	Taklimat Integriti Oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP Sebagai Persiapan Penilaian AIGA.	4 Julai 2023
5.	Kursus Pemantapan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)	Jun - Ogos 2023
6.	Kursus Corruption Risk Management (CRM)	20 - 22 Jun 2023
7.	Aktiviti “Terjah Integriti PKNP” kepada semua anggota pekerja PKNP.	20 Oktober 202
8.	Aktiviti “ <i>Integrity Word Cross</i> ” kepada semua anggota pekerja PKNP.	1 November 2023
9.	Sambutan Hari Integriti PKNP	9 November 2023
10.	Ceramah “Makan Suap” Oleh SPRM	9 November 2023

PROGRAM - TADBIR URUS

Program Tadbir Urus pula ditumpukan kepada kumpulan sasaran, sistem dan prosedur yang berkaitan dengan pencegahan rasuah, integriti dan tadbir urus untuk penambahbaikan. Unit KRI telah melaksanakan beberapa program Tadbir Urus

sepanjang tahun 2023 sebagaimana berikut:

BIL	PROGRAM TADBIR URUS	TARIKH
1.	Sesi Pemurnian Risiko Rasuah (CRM) Bahagian/Unit	11 & 12 Januari 2023
2.	Audit Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	2 & 3 Februari 2023
3.	Sesi Penilaian Anugerah Integriti, Governance dan Anti Rasuah (AIGA) Tahun 2023.	5 Julai 2023
4.	Sesi Semakan Pelan Risiko Rasuah (CRM) Bahagian/Unit	20 Okt - 4 Dis 2023
5.	Penambahbaikan Polisi-Polisi Anti Rasuah PKNP	28 November 2023
6.	Audit Pemantauan (<i>Surveillance Audit 1</i>) SPK & ABMS Oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	7 & 8 Disember 2023

RISIKO

PKNP mengamalkan Pengurusan Risiko yang merangkumi Risiko Kualiti dan Risiko Rasuah untuk mengenal pasti risiko dalam urus niaga dan tadbir urus organisasi dan mengesan perlakuan rasuah. Pengurusan Risiko dapat membantu organisasi untuk membantu merangka dan merancang strategi serta membangunkan pelan tindakan/mitigasi secara proaktif agar dapat menghalang risiko daripada berlaku atau mengurangkan kesan atau impak negatif kepada organisasi.

PKNP telah melaksanakan mitigasi risiko serta mengemaskini tindakan kawalan risiko setiap bahagian/unit. Jumlah keseluruhan risiko kualiti adalah sebanyak 65 risiko kualiti. Manakala jumlah risiko rasuah yang telah didaftarkan adalah sebanyak 53 risiko rasuah.

Setelah pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan, risiko rasuah PKNP sebelum ini yang berada di tahap Tinggi kini telah turun ke tahap Rendah oleh Agency Integrity Management System (AIMS).

SEKTOR PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Struktur Organisasi PKNP telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, seorang (1) orang Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan, seorang (1) Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan, seorang (1) dan tiga belas (13) orang Pengurus Bahagian /Unit seperti berikut :

Ketua Pegawai Eksekutif	YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif	Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif	Encik Mohd Razif bin Abdul Malek

Pengurus Perindustrian	Haji Md Daud bin Abdul Rahman
------------------------	-------------------------------

(Kematian Dalam Perkhidmatan – 20.07.23)

Pengurus Pemasaran & Pengurusan Harta	Suliyati binti Abdul Rahman
Pengurus Teknik	Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim
Pengurus ICT	Nor Azilah binti Abdul Aziz
Pengurus Hal Ehwal Korporat	Haji Mohd Ibrahim bin Hashim
Pengurus Kewangan	Dino Rizal bin Kamaruzzaman
Pengurus Pemb. Komuniti & Keusahawanan	Nasry bin Kassim
Pengurus Khidmat Perundangan	Salwa binti Mohd Kasim
Pengurus Pentadbiran & Sumber Manusia	Nooremi binti Musa
Pengurus Hartanah	Azis bin Muhamad
Pemantauan Pengurus Pemantauan Perniagaan	Rahmat bin Hussin

Pengurus Audit Dalam

Liza binti Omar

Pengurus Kualiti, Risiko & Integriti

Marlia binti Osman

Carta Organisasi PKNP berserta fungsi adalah seperti di **Lampiran 1**.

Sehingga Disember 2023 bilangan anggota pekerja PKNP adalah berjumlah 149 orang dengan pecahan kumpulan perkhidmatan seperti di bawah :

Pengurusan Atasan	-	3 orang
Kumpulan Pengurusan & Profesional	-	44 orang
Kumpulan Pelaksana	-	102 orang

Sepanjang tahun 2023, PKNP telah melantik seramai enam (6) orang anggota pekerja baru seperti di **Lampiran 2** dan seramai tiga (3) orang anggota pekerja telah bersara paksa/pilihan/kematian dalam perkhidmatan.

Bagi memantapkan pengurusan PKNP serta peluang kerjaya kepada anggota pekerja, enam (6) orang anggota pekerja telah menerima kenaikan pangkat secara Timed-Based berasaskan kecemerlangan (TBK 1).

Berdasarkan laporan penilaian prestasi tahunan 2022, seramai 11 orang anggota pekerja telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 1 orang anggota pekerja menerima Insentif Perkhidmatan 25 Tahun pada Majlis

Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Pekerja PKNP Sempena Hari Pekerja.

PELAKSANAAN KURSUS & LATIHAN

Dalam Tahun 2023, sebanyak RM91,926.80 telah dibelanjakan bagi penganjuran kursus dalaman dan luaran untuk anggota pekerja PKNP. Sebanyak 6 Kursus dalaman telah diadakan bagi meningkatkan serta memperkasa pengetahuan tenaga kerja kumpulan pengurusan & professional dan kumpulan pelaksana. Fokus diberikan melalui pelaksanaan Kursus Pengurusan & Penyediaan Minit Mesyuarat, Kursus Dron Technology & Basic UAV Operation Anggota Pekerja PKNP dan Kursus Pengurusan Kewangan & Kutipan Hutang serta Kursus 'Data Analysis for Problem Solving and Decision Making' bagi mempertingkatkan kefahaman dan kemahiran pegawai tersebut serta pelaksanaan Bengkel Latihan Modul Pemeriksaan Aset Sistem Pengurusan Aset (G-Asset) bagi pegawai aset baharu dalam penggunaan sistem tersebut.

Seterusnya, bagi memantapkan budaya dan penerapan nilai-nilai murni, Program Tazkirah Ramadhan dan Kuliah Tafsir Al-Quran juga diadakan sepanjang tahun di samping sesi Ceramah bertajuk 'Makan Suap' oleh Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Negeri Pahang turut diadakan bersempena Sambutan Hari Integriti PKNP Tahun 2023 sebagai salah satu program pembudayaan integriti dan kesedaran kepada semua anggota pekerja PKNP.

Selain itu, secara keseluruhannya, sebanyak 149 orang anggota pekerja atau 100% telahpun mencapai kriteria 5 hari bekursus sehingga bulan Disember 2023 sepertimana yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Pengurusan Bil 4/2022 berdasarkan surat edaran dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

KOS RAWATAN ANGGOTA PEKERJA TAHUN 2023

Bagi tahun 2023, PKNP telah membelanjakan sebanyak RM156,521.80 bagi rawatan Klinik Panel, bayaran Dialisis Yayasan Pusat Hemodialisis/KCDC, perbelanjaan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) / Hospital, tambahan perlindungan insurans dan Klinik Panel Rawatan Pergigian serta lain-lain rawatan. Anggota pekerja juga diberi Insentif Insuran dibawah Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dengan jumlah premium sebanyak RM408,962.11 setahun.

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN

Pelaksanaan Mesyuarat MBJ PKNP semenjak tahun 2021 hingga kini (2023), pelaksanaan Mesyuarat MBJ PKNP telah ditetapkan sebanyak tiga (3) kali setahun dan PKNP telah berjaya melaksanakannya dengan jayanya. Selain itu, PKNP juga berjaya dalam mengekalkan Anugerah 5 Bintang bagi Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS.

SEKTOR PENGURUSAN ICT

Pengurusan ICT terbahagi kepada dua (2) aktiviti utama:

Perolehan Alat Sistem Komputer

Perolehan peralatan yang telah dilaksanakan bagi alat sistem komputer dan sistem rangkaian PKNP adalah mengikut bajet yang telah diluluskan bagi tahun 2023 dengan tumpuan kepada pengguna sistem kritikal dan bisnes utama PKNP. Sistem UPS telah digantikan dengan yang baru selari dengan pemantapan keselamatan sistem di bilik server PKNP. Sistem Sewaan Perindustrian (SSP) juga telah diintegrasikan dengan Sistem Kewangan PKNP (SAP Business One) dan kini penyewa tanah boleh membuat semakan dan pembayaran sewa menggunakan aplikasi mobile Pahang Go pada bila-bila masa dan di mana sahaja yang mempunyai akses Internet.

PKNP juga telah melanggan Microsoft 365 Business Basic untuk tempoh 2 tahun dalam usaha mempercepatkan pelaksanaan digitalisasi di kalangan warga kerja menggunakan aplikasi bersepadu berasaskan 'cloud' dengan ciri sekuriti yang lebih baik bagi Sistem eMel dan semua aplikasi asas pejabat seperti work, excel, powerpoint, calendar dan MS Team (online meeting) serta lain-lain aplikasi yang termasuk dalam pakej Business Basic. Bulk email bagi penghantaran invois juga kini telah beroperasi dalam platform MS Outlook. Walau bagaimanapun, penggantian Server PKNP dan pemantapan data security melibatkan encryption telah ditangguhkan ke suku pertama 2024 atas sebab yang tidak dapat

dilakkan.

Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Alat Sistem Komputer

Aktiviti penyelenggaraan alat sistem komputer telah dilaksanakan mengikut perancangan sama ada secara berjadual atau hasil pemantauan dan aduan yang diterima. Bagi sistem kritikal, PKNP terus mendapatkan sokongan dengan pembekal sistem melalui kontrak.

Lain-lain aktiviti melibatkan pembaharuan domain dan perkhidmatan hosting serta langganan perisian bagi memenuhi keperluan PKNP. Senggaraan perkakasan dan sistem telah dilakukan secara dalaman bagi perkakasan dan sistem di bawah tanggungjawab ICT. Khidmat sokongan/khidmat nasihat kepada Bahagian/Unit di PKNP dan anak syarikat milik penuh PKNP juga telah diberikan mengikut keperluan semasa. Selain itu, perkhidmatan yang disediakan termasuk pengurusan stok ink dan toner, kemudahan pinjaman notebook serta khidmat teknikal ICT kepada pihak pengurusan dan anggota pekerja PKNP dalam pengurusan majlis / mesyuarat PKNP / latihan dan bimbingan berkaitan digital / ICT.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL (CSR)

Sepanjang tahun 2023, PKNP telah melaksanakan pelbagai program CSR yang terdiri daripada aktiviti sukarelawan pasca banjir, bantuan tunai, bantuan peralatan sekolah, program komuniti.

BIL.	PROGRAM CSR	TARIKH
1	PROGRAM ZIARAH KASIH JKKK KG NENASI	6 Jan 2023
2	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA MAAHAD TAHFIZ AR RUSHD	14 Apr 2023
3	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DI JPKK KG NENASI, PEKAN	1 Mei 2023
4	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA RUMAH ANAK YATIM PERMATA CAMAR PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA RUMAH ANAK YATIM DAN ANAK ASNAF SAHABAT MUQARRABIN PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA PERTUBUHAN ANAK YATIM DAN MISKIN NUR IMAN PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA RUMAH ANAK YATIM & FAKIR MISKIN BAITUL HUSNA KUANTAN PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA PUSAT	11 Mei 2023

	JAGAAN CHAHAYA PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA RUMAH ANAK YATIM & MISKIN DYNASTI	
5	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DI KG DAMAK, JERANTUT	17 Mei 2023
6	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM SMK TELUK CHEMPEDAK	13 Jun 2023
7	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM SK TANAH PUTIH	24 Jun 2023
6	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA RUMAH ANAK-ANAK YATIM DAN FAKIR MISKIN PERMATA AL-INSYIRAH	13 Jun 2023
7	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA MAAHAD TAHFIZ DARUL IZZAH	17 Mei 2023
8	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA MADRASAH DARUL ULOOM AL ISLAMIAH JENGKA	19 Jun 2023
9	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA MAAHAD TAHFIZ AL HAKIM	19 Jun 2023
10	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA ANAK-ANAK YATIM DUN PELANGAI	19 Jun 2023
11	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF (FAKIR DAN MISKIN) DUN PELANGAI	19 Jun 2023

12.	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF (FAKIR DAN MISKIN) KG PADANG, DUN TAHAN, JERANTUT	2 Julai 2023
13.	KEM KEPIMPINAN KHALIFAH MUDA - PELAJAR-PELAJAR DI DAERAH JERANTUT	11 Sept 2023
14.	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA MAAHAD TAHFIZ AR RUSHD, KUALA LIPIS, PAHANG	18 Sept 2023
15	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA MAAHAD TAHFIZ AL FURQAN, KG. PERMATANG PASIR, PEKAN, PAHANG	25 Sept 2023
16	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA MAAHAD TAHFIZ AL- QURAN TOK MONTOK, KG. KETAPANG TENGAH, PEKAN	25 Sept 2023
17	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA MADRASAH DIRAASATID DEENIYYAH WAT TARBIYAH (MADTLAB), KEMPADANG, KUANTAN	25 Sept 2023
18	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA MASJID SRI MAULANA, TAMAN SRI MAULANA, PEKAN, PAHANG	25 Sept 2023
19	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA SURAU AR RAUDHAH, INDERA SEMPURNA 2, KUANTAN, PAHANG	25 Sept 2023

20	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA ANAK-ANAK YATIM DI DUN PADANG TENGGU, LIPIS PAHANG (RM150.00 SEORANG)	19 Sept 2023
21	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DI KAWASAN DUN PADANG TENGGU, LIPIS, PAHANG (RM300.00 SEORANG)	19 Sept 2023
22	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA SUMBANGAN NAIKTARAF FASILITI MAAHAD TAHFIZ BAITUL HASANAH	25 Oktober 2023
23	PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA SUMBANGAN VAN KEPADA MAAHAD TAHFIZ AR RUSHD, LIPIS	25 November 2024



Misi Sukarelawan Pasca Banjir di Segamat, Johor



Program Mengecat Tembok Balai Raya dan Kawasan Perkuburan di
Kg. Nenasi, Pekan

Pencapaian Gemaputera XVI Terengganu 2022

Temasya Sukan Gemaputera XVI Terengganu 2022 telah diadakan pada 23 - 26 November 2022 di Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu. PKNP telah menyertai 6 acara dari 8 acara yang dipertandingkan iaitu Tenpin Bowling, Golf, Futsal, Bola Jaring, Karom, dan Badminton.

PKNP telah meraih tempat ke - 7 keseluruhan daripada 14 buah Perbadanan Ekonomi seluruh Malaysia yang bertanding. Pencapaian terbaik PKNP adalah dari pasukan bola jaring wanita berkumpulan yang meraih tempat ke - 2.



Pasukan tenpin bowling pula meraih tempat ketiga bagi kategori double lelaki. Manakala pasukan golf pula meraih tempat ketiga berkumpulan dan tempat tempat kedua bagi kategori individu lelaki melalui Ku Sukiman bin Ku Ali.

KALENDAR TAHUN 2023

4 JANUARI 2023 - MAJLIS PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2023



**6 JANUARI 2023 - KUNJUNGAN HORMAT PKNP KE ATAS KETUA
SETIAUSAHA MOSTI**



6 JANUARI 2023 - PROGRAM ZIARAH KASIH JKKK KAMPUNG NENASI





**17 JANUARI 2023 - ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTI RASUAH
(AIGA) 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN - PKNP RAIH PINGAT GANGSA**



30 JANUARI 2023 - LAWATAN EXCO PELABURAN, PERINDUSTRIAN, SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI NEGERI PAHANG, YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB KE KAWASAN PERINDUSTRIAN GEBENG DAN PELABUHAN KUANTAN





**15 FEBRUARI 2023 - KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF (PEMBANGUNAN) PKNP KE ATAS YB EXCO FELDA,
KOPERASI DAN USAHAWAN NEGERI PAHANG**



**6 MAC 2023 – SAMBUTAN HARI KELUARGA PKNP 2023 - VILLEA ROMPIN
RESORT & GOLF**



**14 APRIL 2023 - SERAHAN SUMBANGAN ZAKAT KEPADA MAAHAD
TAHFIZ AR RUSHD, LIPIS**



**19 APRIL 2023 - BARISAN PENGURUSAN PKNP HADIRI PERJUMPAAN
PERDANA MENTERI MALAYSIA BERSAMA-SAMA PENJAWAT AWAM DI
NEGERI PAHANG**



**1 MEI 2023 - SERAHAN SUMBANGAN ZAKAT KEPADA GOLONGAN ASNAF
JKKK KG. NENASI, PEKAN**



**13 MEI 2023 - PROGRAM CSR PKNP DI JKCC KG NENASI, PEKAN
MENGECAT TEMBOK BALAIRAYA DAN TANAH PERKUBURAN**



24 MEI 2023 - MAJLIS MERAIKAN BAKAL HAJI PKNP 2023



**8 JUN 2023 - LAWATAN KERJA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP KE
DAERAH BENTONG SERTA KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YANG
DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN BENTONG**



**28 JUN 2023 - BENGKEL PERMURNIAN PELAN PERNIAGAAN ANAK
SYARIKAT KUMPULAN PKNP**



**5 JULAI 2023 - TAKLIMAT INTEGRITI OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PKNP SEBAGAI PERSEDIAAN PENILAIAN AIGA 2023**



**7 JULAI 2023 - PKNP DI TAKLIMAT FORUM WACANA ILMU WANITA
INSPIRASIKU KEMAS NEGERI PAHANG**



14 JULAI 2023 - MAJLIS BACAAN DOA SELAMAT DAN LAWATAN TAPAK PROJEK SOLAR LSS4 PEKAN





**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA**

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 62.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965. Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju,

pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Ahli Perbadanan telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain


Berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 13 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

- a. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang hendaklah merekodkan aset dan liabiliti syarikat subsidiari yang diperoleh berasaskan nilai saksama dalam tempoh tidak melebihi satu tahun dari tarikh pemerolehan selaras dengan MPSAS 40.
- b. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang hendaklah memastikan pengiktirafan hasil serta polisi perakaunan berkaitan jualan tanah industri mematuhi MPSAS 9.

Sijil ini dibuat untuk Ahli Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERI WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA



PUTRAJAYA

16 DISEMBER 2024

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2023

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

KANDUNGAN

MUKASURAT

Penyata Ahli Perbadanan	1
Akuan Berkanun	2
Penyata Kedudukan Kewangan	3 – 4
Penyata Prestasi Kewangan	5
Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti	6 – 7
Penyata Aliran Tunai	8 – 11
Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar	12
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	13 - 62

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)


PENYATA AHLI PERBADANAN

Kami, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dan Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, dua daripada Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Perbadanan, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 62 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Perbadanan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan Kumpulan dan Perbadanan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Perbadanan menurut resolusi Ahli Perbadanan



DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
PENGURUS



DATO' MOHD FAIZAL BIN JAAFAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

KUANTAN

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

AKUAN BERKANUN

Saya, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, dengan sesungguhnya dan ikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 62, pada pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa ianya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.



DATO' MOHD FAIZAL BIN JAAFAR

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama di atas Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

Di : Kuantan

Pada : **31 MAY 2024**

Di hadapan saya :



**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2023**

		Kumpulan		Perbadanan	
	<u>Nota</u>	<u>2023</u> RM	<u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)	<u>2023</u> RM	<u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)
ASET					
ASET SEMASA					
Simpanan tetap, tunai dan baki di bank	5	86,845,205	46,945,787	55,971,019	27,741,506
Inventori	6	197,149,381	152,841,177	156,063,599	150,029,968
Urus niaga pertukaran belum terima	7	46,359,726	105,984,063	70,312,790	149,158,332
Penghutang pelbagai dan perbelanjaan terdahulu	8	29,535,839	6,259,523	19,303,856	2,322,458
Kos pembangunan hartanah	10	201,903,685	200,689,799	185,984,603	184,158,852
Cukai semasa		3,553,389	1,812,973	2,602,595	1,896,084
Jumlah aset semasa		565,347,225	514,533,322	490,238,462	515,307,200
ASET BUKAN SEMASA					
Aset cukai tertunda	11	8,166,983	147,672	-	-
Pelaburan lain	9	14,900,265	44,485,776	14,791,045	44,071,224
Kos pembangunan hartanah	10	32,340,078	32,340,078	-	-
Tanah untuk pembangunan	12	25,995,761	25,861,496	25,995,761	25,861,496
Subsidiari	13	-	-	119,782,686	24,164,552
Syarikat bersekutu	14	98,138,352	93,942,129	40,644,372	39,212,937
Hartanah, loji dan peralatan	15	226,837,263	45,259,032	3,548,177	3,776,084
Aset biologi	16	430,024	40,771,621	-	-
Hartanah pelaburan	17	125,167,835	126,815,534	120,841,406	122,425,899
Muhibah	13	7,031,849	-	-	-
Jumlah aset bukan semasa		539,008,410	409,623,338	325,603,447	259,512,192
JUMLAH ASET		1,104,355,635	924,156,660	815,841,909	774,819,392
TOLAK: LIABILITI					
LIABILITI SEMASA					
Liabiliti cukai semasa		55,588	-	-	-
Urus niaga pertukaran belum dibayar	18	18,024,272	7,765,319	4,776,189	2,181,187
Pemiutang pelbagai dan akruan	19	138,757,898	126,323,971	105,213,817	99,792,221
Pinjaman berjangka	20	28,283,262	14,485,580	-	10,152,197
Pinjaman kerajaan	21	7,615,823	8,865,931	7,615,823	8,865,931
Manfaat pekerja	22	956,552	812,080	956,552	812,080
Jumlah liabiliti semasa		193,693,395	158,252,881	118,562,381	121,803,616

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

	<u>Nota</u>	<u>2023</u> RM	<u>Kumpulan</u> <u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)	<u>2023</u> RM	<u>Perbadanan</u> <u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pinjaman berjangka	20	33,882,356	38,880,737	-	-
Pinjaman kerajaan	21	114,938,051	124,994,044	114,938,051	124,994,044
Akaun amanah	23	3,138,654	3,009,376	3,138,654	3,009,376
Pendapatan tertunda	24	163,237,449	163,549,235	163,237,449	163,549,235
Liabiliti cukai tertunda	11	3,299,803	2,602,290	144,055	99,897
Manfaat pekerja	22	1,143,805	1,203,751	1,143,805	1,203,751
Jumlah liabiliti bukan semasa		319,640,118	334,239,433	282,602,014	292,856,303
JUMLAH LIABILITI		513,333,513	492,492,314	401,164,395	414,659,919
ASET BERSIH		591,022,122	431,664,346	414,677,514	360,159,473
EKUITI					
MODAL DAN RIZAB					
Pemberian kerajaan		2,500,000	2,500,000	2,500,000	2,500,000
Simpanan modal	25	1,969,101	1,969,101	1,969,101	1,969,101
Keuntungan terkumpul		493,370,381	427,195,245	410,208,413	355,690,372
Lain-lain rizab		214,701	-	-	-
Kepentingan bukan kawalan		498,054,183	431,664,346	414,677,514	360,159,473
		92,967,939	-	-	-
JUMLAH EKUITI		591,022,122	431,664,346	414,677,514	360,159,473

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	<u>Nota</u>	<u>2023</u> RM	<u>Kumpulan</u> <u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)	<u>2023</u> RM	<u>Perbadanan</u> <u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)
HASIL:					
Hasil daripada urus niaga pertukaran	26	170,328,759	137,090,975	135,097,869	101,910,437
Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran	26	22,948,735	18,357,236	22,982,155	19,167,893
Kos jualan		(122,930,705)	(42,105,483)	(93,038,249)	(20,382,703)
Keuntungan kasar		70,346,789	113,342,728	65,041,775	100,695,627
Pendapatan lain	27	1,240,369	895,285	-	-
Lebihan nilai saksama atas penyelesaian instrumen boleh letak	33(iii)	63,964,998	-	63,964,998	-
Perubahan nilai saksama ke atas aset biologi		430,024	-	-	-
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi		(23,901,472)	(24,524,360)	(17,531,108)	(18,852,302)
Perbelanjaan lain		(28,017,971)	(34,814,823)	(38,257,472)	(44,505,226)
Keuntungan daripada operasi	28	84,062,737	54,898,830	73,218,193	37,338,099
Kos kewangan	30	(2,490,806)	(4,797,426)	(1,698,171)	(3,990,407)
Perkongsian keuntungan / (kerugian) syarikat bersekutu		2,550,087	(5,236,472)	-	-
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		84,122,018	44,864,932	71,520,022	33,347,692
Cukai	31	(16,046,882)	(11,779,760)	(15,101,981)	(9,558,084)
Zakat		(1,900,000)	(1,000,000)	(1,900,000)	(1,000,000)
Keuntungan bersih tahun semasa		66,175,136	32,085,172	54,518,041	22,789,608

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Pemberian Kerajaan RM	Simpanan modal (Nota 25) RM	Keuntungan terkumpul RM	Lain-lain rizab RM	Jumlah RM	Kepentingan bukan kawalan RM	Jumlah ekuiti RM
Kumpulan							
Pada 1 Januari 2022	2,500,000	1,969,101	395,110,073	-	399,579,174	-	399,579,174
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	27,413,491	-	27,413,491	-	27,413,491
Seperti yang dinyatakan sebelumnya	-	-	4,671,681	-	4,671,681	-	4,671,681
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	32,085,172	-	32,085,172	-	32,085,172
Seperti dinyatakan semula	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2022	2,500,000	1,969,101	427,195,245	-	431,664,346	-	431,664,346
Pada 1 Januari 2023	2,500,000	1,969,101	422,523,564	-	426,992,665	-	426,992,665
Seperti yang dinyatakan sebelumnya	-	-	4,671,681	-	4,671,681	-	4,671,681
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	66,175,136	-	66,175,136	-	66,175,136
Seperti dinyatakan semula	2,500,000	1,969,101	427,195,245	-	431,664,346	-	431,664,346
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	66,175,136	-	66,175,136	-	66,175,136
Perkongsian keuntungan kompresif lain	-	-	-	-	-	-	-
syarikat bersekutu	-	-	-	-	-	-	-
Pengambilalihan subsidiari	-	-	-	214,701	214,701	92,967,939	214,701
Pada 31 Disember 2023	2,500,000	1,969,101	493,370,381	214,701	498,054,183	92,967,939	591,022,122

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

	Pemberian <u>Kerajaan</u> RM	Simpanan modal (Nota 25) RM	Keuntungan <u>terkumpul</u> RM	Jumlah RM
<u>Perbadanan</u>				
Pada 1 Januari 2022	2,500,000	1,969,101	332,900,764	337,369,865
Keuntungan bersih tahun semasa				
Seperti yang dinyatakan				
sebelumnya	-	-	18,117,927	18,117,927
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	4,671,681	4,671,681
Seperti dinyatakan semula	-	-	22,789,608	22,789,608
Pada 31 Disember 2022	2,500,000	1,969,101	355,690,372	360,159,473
Pada 1 Januari 2023				
Seperti yang dinyatakan				
sebelumnya	2,500,000	1,969,101	351,018,691	355,487,792
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	4,671,681	4,671,681
Seperti dinyatakan semula	-	-	355,690,372	360,159,473
Keuntungan bersih tahun semasa	-	-	54,518,041	54,518,041
Pada 31 Disember 2023	2,500,000	1,969,101	410,208,413	414,677,514

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Nota	Kumpulan		Perbadanan	
	2023 RM	2022 RM (Dinyatakan semula)	2023 RM	2022 RM (Dinyatakan semula)
AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan sebelum cukai	84,122,018	44,864,932	71,520,022	33,347,692
Pelarasan item tidak berkaitan dengan pergerakan aliran tunai:				
Hartanah, loji dan peralatan				
- susutnilai	2,992,476	3,489,888	607,865	522,494
- keuntungan atas pelupusan	(17,716)	(4,211)	(17,258)	(17,100)
- hapuskira aset	141	-	-	-
- pelarasan	57,223	-	24,826	-
Hartanah pelaburan				
- susutnilai	2,810,553	2,785,390	2,747,347	2,722,185
- keuntungan atas pelupusan	-	1,087,547	-	1,087,547
Hapuskira inventori	105	-	-	-
Perbelanjaan kerugian pelaburan lain	11	-	11	-
Keuntungan/(Kerugian) atas perubahan nilai saksama pelaburan	8,460	(1,880)	-	-
Peruntukan hutang ragu	3,276,855	-	3,269,090	-
Hutang ragu pulih semula	(6,427,152)	(6,341,790)	(6,660,027)	(6,341,790)
Hutang lapuk	199,625	-	-	-
Hutang lapuk pulih semula	(13,760)	-	-	-
Perbelanjaan rosot nilai dalam				
- pelaburan	-	-	-	-
- subsidiari	-	-	7,031,848	-
- syarikat bersekutu	4,468,617	-	4,468,617	-
pelaburan lain	1,689,047	12,430,703	1,689,047	12,430,703
Rosot nilai pelaburan pulih semula				
- subsidiari	-	-	(353,759)	(521,586)
- syarikat bersekutu	(5,900,053)	(1,200,456)	(5,900,053)	(1,200,456)
- pelaburan lain	(205,801)	-	(205,801)	-
Pendapatan dividen	(112,132)	(7,152,094)	(387,132)	(7,254,594)
Pendapatan faedah	(3,918,095)	(2,577,915)	(3,588,356)	(2,577,915)
Manfaat pekerja	1,017,164	892,566	1,017,164	892,566
Perbelanjaan faedah	1,384,905	3,917,322	781,305	3,917,322
Pelunasan geran kerajaan	(7,066,160)	-	(7,066,160)	-
Perkongsian (keuntungan)/kerugian syarikat bersekutu	(2,550,087)	5,236,472	-	-
Lebihan nilai saksama atas Penyelesaian instrumen boleh letak	(63,964,998)	-	(63,964,998)	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja (baki dibawa ke hadapan)	11,851,246	57,426,474	5,013,598	37,007,068

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

<u>Nota</u>	<u>Kumpulan</u>		<u>Perbadanan</u>	
	<u>2023</u> RM	<u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)	<u>2023</u> RM	<u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)
AKTIVITI OPERASI (SAMBUNGAN)				
Baki dihantar ke hadapan	11,851,246	57,426,474	5,013,598	37,007,068
Perubahan modal kerja:				
Tanah untuk pembangunan	(134,265)	(11,961,574)	(134,265)	(11,961,574)
Kos pembangunan hartanah	4,927,524	55,166,527	4,315,659	53,351,247
Aset biologi	(430,024)	-	-	-
Tambahan dalam inventori	(8,109,851)	(51,042,936)	(9,051,198)	(54,443,654)
Kurangan/(Tambahan) dalam urusniaga pertukaran belum diterima	79,729,132	(447,670)	82,236,479	4,725,066
(Tambahan)/ Kurangan dalam penghutang pelbagai dan perbelanjaan terdahulu	(16,637,666)	3,142,255	(16,981,398)	13,352,813
Tambahan/ (Kurangan) dalam urusniaga pertukaran belum dibayar	5,119,071	258,806	3,207,966	(694,587)
Tambahan/(Kurangan) dalam pemiutang pelbagai dan akruan	7,541,407	(6,563,344)	7,904,906	(2,546,747)
Tunai daripada operasi	83,856,574	45,978,538	76,511,747	38,789,632
Cukai dibayar	(16,387,152)	(17,549,776)	(15,764,334)	(17,007,177)
Cukai dikembalikan	226,661	-	-	-
Zakat dibayar	(1,900,000)	(1,000,000)	(1,900,000)	(1,000,000)
Manfaat pekerja dibayar				
- Gantian cuti rehat	(160,172)	(128,228)	(160,172)	(128,228)
- Lain-lain manfaat	(772,466)	(911,651)	(772,466)	(911,651)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	64,863,445	26,388,883	57,914,775	19,742,576

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

<u>Nota</u>	<u>Kumpulan</u>		<u>Perbadanan</u>	
	<u>2023</u> RM	<u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)	<u>2023</u> RM	<u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)
AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(4,618,439)	(5,509,481)	(404,784)	(303,629)
Perolehan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	22,743	17,100	17,258	17,100
Pindahan ke hartanah, loji dan peralatan	-	4,999,838	-	-
Pindahan hartanah pelaburan	(1,162,854)	(1,630,720)	(1,162,854)	-
Perolehan daripada pelupusan hartanah pelaburan	-	201,000	-	201,000
Penambahan dalam aset biologi	-	(4,527,108)	-	-
Tambahan pelaburan dalam subsidiari	A 2,252,440	-	(10,000,045)	(5,000,000)
Tambahan pelaburan dalam sukuk	-	(1,307)	-	-
Perolehan dari jualan pelaburan lain	296,872	-	-	-
Pergerakan penjejasan akaun amanah	129,278	(1,439,624)	129,278	(1,439,624)
Dividen diterima	112,132	7,152,094	387,132	7,254,594
Faedah diterima	1,358,287	18,107	1,028,548	18,107
Aliran tunai bersih (digunakan dalam) / daripada aktiviti pelaburan	(1,609,541)	(720,101)	(10,005,467)	747,548

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

<u>Nota</u>	<u>Kumpulan</u>		<u>Perbadanan</u>	
	<u>2023</u> RM	<u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)	<u>2023</u> RM	<u>2022</u> RM (Dinyatakan semula)
AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran liabiliti sewa beli	(112,577)	(119,731)	-	-
Perolehan liabiliti sewa beli	276,200	-	-	-
Faedah dibayar	(1,126,725)	(3,990,407)	(813,863)	(3,990,407)
Penerimaan pinjaman berjangka	20,000,000	10,152,197	20,000,000	10,152,197
Pembayaran pinjaman berjangka	(33,816,190)	(32,889,504)	(30,000,000)	(30,000,000)
Pembayaran pinjaman kerajaan	(8,865,932)	(11,179,400)	(8,865,932)	(11,179,400)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(23,645,224)	(38,026,845)	(19,679,795)	(35,017,610)
Penambahan /(Pengurangan) bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	39,608,680	(12,358,063)	28,229,513	(14,527,486)
BAKI TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI				
- pada awal tahun	44,177,836	56,535,899	27,741,506	42,268,992
- pada akhir tahun	5 83,786,516	44,177,836	55,971,019	27,741,506

Nota A – Transaksi bukan tunai

Penyesuaian aliran tunai daripada tambahan pelaburan dalam subsidiari pada tahun semasa:

	2023 RM
Harga keseluruhan pembelian semula syer dalam subsidiari (Nota 33)	74,499,300
<u>Transaksi bukan tunai</u>	
Bayaran dalam bentuk pindahmilik tanah (Nota 33)	(64,499,255)
Bayaran dalam bentuk tunai dalam penyata aliran tunai PKNP	(10,000,045)
(+) Wang tunai dan baki di bank subsidiari yang diambilalih	12,252,485
Aliran tunai bersih dalam penyata aliran tunai Kumpulan	2,252,440

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN PRESTASI SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	<u>Prestasi sebenar RM</u>	<u>Bajet RM</u>	<u>Perbezaan RM</u>
Hasil	138,804,535	116,242,842	22,561,693
Kos jualan	(92,566,043)	(18,176,401)	(74,389,642)
Keuntungan kasar	46,238,492	98,066,441	(51,827,949)
Pendapatan lain	19,275,488	2,518,317	16,757,171
Lebih nilai saksama atas penyelesaian Instrumen boleh letak	63,964,998	66,982,565	(3,017,567)
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi	(17,781,914)	(20,519,915)	2,738,001
Perbelanjaan lain	(39,388,328)	(23,416,836)	(15,971,492)
Keuntungan daripada operasi	72,308,736	123,630,572	(51,321,836)
Kos kewangan	(788,714)	(790,981)	2,267
Keuntungan sebelum cukai	71,520,022	122,839,591	(51,319,569)
Cukai	(15,101,981)	(27,659,142)	12,557,161
Zakat	(1,900,000)	(3,555,490)	1,655,490
Keuntungan selepas cukai	<u>54,518,041</u>	<u>91,624,959</u>	<u>(37,106,918)</u>

Nota kepada Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar

1. Jumlah dalam Penyata Kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai diubahsuai dan diklasifikasi berdasarkan asas yang sama seperti bajet yang telah diluluskan.
2. Bajet Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi tahun 2023 telah diluluskan oleh Ahli Perbadanan pada 27 Disember 2022 melalui Mesyuarat Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Bil. 3/2022 sepertimana yang diperlukan di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Bil. 12/1965 Para 17A (2).
3. Lebih pendapatan sebenar sebanyak RM22,561,693 adalah disebabkan pendapatan pampasan Kawasan Industri Gebeng 4 yang melebihi bajet bagi tahun 2023.
4. Lebih belanja secara keseluruhan sebanyak RM13,231,224 adalah daripada perbelanjaan rosot nilai pelaburan serta hutang ragu yang tidak dibajetkan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. MAKLUMAT AM

(a) Perbadanan

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (Perbadanan atau PKNP) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di Negeri Pahang Darul Makmur di bawah Enakmen Lembaga Kemajuan Negeri Pahang, 1965.

(b) Kegiatan utama

Kegiatan utama Kumpulan ialah memaju, mendorong, memberi kemudahan, mengambil bahagian dalam perkembangan ekonomi dan sosial di dalam Negeri Pahang Darul Makmur, memberi khidmat pengurusan, pemegang pelaburan, menyewa, menjual dan mengurus hartanah, perkhidmatan bot dan feri, penjualan pasir, perniagaan hotel, pengendalian projek-projek pembinaan, penjualan bahan-bahan binaan serta menjadi kontraktor pembinaan dan pengurusan projek-projek.

Kegiatan utama Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang ialah memaju, mendorong, memberi kemudahan dan mengambil bahagian dalam perkembangan ekonomi dan sosial di dalam Negeri Pahang Darul Makmur selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan utama Perbadanan juga termasuk membangunkan tanah-tanah untuk perindustrian, perumahan dan perkedai, hartanah dan aktiviti pelaburan.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Entiti dan tempoh pelaporan

Tempoh pelaporan untuk penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian dan pelaporan Kumpulan dan Perbadanan.

(b) Penyata pematuhan

Penyata kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia ("JANM").

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah, kecuali yang dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar perakaunan di Nota 3 kepada penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG (Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN **BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)**

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Pertimbangan dan anggaran

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh sama hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, ia akan didedahkan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam perkara-perkara yang dianggap penting bagi penyata kewangan.

(a) Asas penyatuan

Subsidiari-subsidiari adalah entiti-entiti yang dikawal oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Kawalan wujud apabila Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung untuk mengawal polisi-polisi kewangan dan operasi sesebuah syarikat untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti syarikat tersebut. Subsidiari-subsidiari adalah disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan.

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan kesemua subsidiarinya yang dinyatakan di Nota 13 kepada penyata kewangan. Syarikat-syarikat yang diambilalih dan dilupuskan sepanjang tahun diambil kira dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh pengambilalihan atau tarikh pelupusan. Urus niaga di antara Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan subsidiarinya telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan urus niaga dengan pihak ketiga sahaja.

Lebih di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan diambil kira dalam penyata kewangan disatukan sebagai muhibah. Jika kos pengambilalihan kurang daripada nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari diambilalih, perbezaan tersebut diiktiraf secara langsung dalam penyata prestasi kewangan.

Kepentingan bukan kawalan adalah ekuiti dalam sesebuah syarikat subsidiari yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada syarikat induk. Bagi setiap pengambilalihan, Kumpulan mengukur apa-apa kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih pada bahagian aset bersih syarikat yang diambilalih yang dimiliki oleh pemegang saham minoriti. Pada akhir tempoh pelaporan, kepentingan bukan kawalan terdiri daripada jumlah yang dikira pada tarikh gabungan dan bahagian bagi perubahan dalam ekuiti syarikat subsidiari sejak tarikh gabungan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Syarikat-syarikat bersekutu

Kumpulan menganggap syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia mempunyai pengaruh penting melalui perwakilan pengurusan.

Pengkongsian Kumpulan dalam keuntungan selepas pengambilalihan setelah ditolak kerugian syarikat-syarikat bersekutu telah diambil kira dalam penyata pendapatan disatukan dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dicampur perkongsian Kumpulan dalam keuntungan terkumpul selepas pengambilalihan dan rizab.

(c) Pelaburan dalam Subsidiari-subsidiari dan Syarikat-syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu dalam penyata kewangan PKNP dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan. Akaun-akaun Kumpulan mengandungi bahagian Kumpulan dalam hasil kesemua syarikat bersekutu yang ditunjukkan dalam Nota 14 berdasarkan akaun-akaun terbaru yang telah diaudit.

Penjejasan ditentukan berasaskan perbezaan nilai terendah kos dibandingkan dengan nilai pasaran (berdasarkan penentuan nilai oleh Perunding yang telah dilantik).

(d) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susutnilai terkumpul.

Kumpulan tidak mempunyai polisi penilaian semula bagi hartanah, loji dan peralatan melainkan polisi penilaian semula yang diamalkan oleh subsidiari-subsidiari tertentu Kumpulan di mana penilaian semula dibuat sekurang-kurangnya satu kali setiap lima tahun berdasarkan penilaian oleh penilai bebas yang berdasarkan nilai pasaran terbuka. Sebarang pertambahan daripada penilaian semula dikreditkan ke ekuiti sebagai lebihan penilaian semula; kecuali setakat pembalikan pengurangan penilaian semula untuk aset yang sama yang telah diiktiraf sebagai perbelanjaan, di mana pertambahan diiktiraf dalam penyata pendapatan setakat pengurangan yang diiktiraf sebelum ini. Pengurangan dalam penilaian semula akan diselaraskan dengan pertambahan daripada penilaian awal bagi aset yang sama dan selebihnya diiktiraf sebagai perbelanjaan. Apabila hartanah, loji dan peralatan yang dinilai semula dilupuskan, lebihan penilaian semula berkenaan yang tinggal dalam rizab penilaian semula dipindahkan ke keuntungan terkumpul.

Susutnilai tidak diperuntukkan ke atas tanah milik bebas, tanah untuk pembangunan dan pembangunan dalam proses. Untuk lain-lain hartanah, loji dan peralatan, susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos atau nilai setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

3. **RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)**

(d) Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Tumbuhan penghasil adalah tumbuhan hidup yang digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan hasil pertanian, dijangka mampu menghasilkan untuk tempoh masa lebih dari satu tempoh dan hanya berkemungkinan kecil sahaja ia akan dijual sebagai hasil pertanian, kecuali untuk penjualan sampingan selepas habis berhasil. Tumbuhan penghasil Kumpulan adalah terdiri daripada ladang kelapa sawit. Tumbuhan penghasil yang masih belum matang dinilai pada kos terkumpul penanaman tumbuhan penghasil, sama seperti olahan perakaunan untuk aset hartanah, loji dan peralatan yang dibina sendiri. Semua kos yang terlibat secara langsung dengan tumbuhan penghasil dipermodalkan sehingga tumbuhan penghasil matang, di mana kos selepas matang dibelanjakan dan susutnilai bermula. Tumbuhan penghasil dikelaskan sebagai tidak matang sehingga pokok tersebut telah berhasil. Tumbuhan penghasil dinilai pada kos yang dilunaskan dan disusut nilai sepanjang hayat bergunanya yang dianggarkan sehingga 22 tahun.

Kadar susutnilai tahunan aset-aset lain adalah seperti berikut:

Tanah pegangan pajak	10 - 99 tahun
Tanah dan bangunan siap	1½%-12%
Infrastruktur	20%
Kenderaan bermotor, loji dan mesin	10% - 25%
Perabot, kelengkapan, peralatan dan ubahsuai pejabat	10% - 33 1/3%
Peralatan penyelenggaraan hotel dan peralatan dapur	10%

Aset bernilai rendah (tidak melebihi RM2,000) akan diiktiraf sebagai aset dan akan dicaj 100% susut nilai dalam tahun pengiktirafan.

(e) Tanah untuk Pembangunan

Tanah untuk pembangunan adalah tanah yang tiada aktiviti pembangunan dijalankan ke atasnya atau aktiviti pembangunan yang tidak dapat dijangka tempoh masa untuk disiapkan dalam masa kitaran kendalian biasa. Ianya dikelaskan sebagai Aset Bukan Semasa dan dinyatakan pada harga kos ditolak penjejasan nilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan dikelaskan sebagai Kos Pembangunan sekiranya aktiviti pembangunan mula dijalankan dan apabila tempoh masa bagi aktiviti pembangunan dapat dijangka akan siap dalam masa kitaran kendalian biasa.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Aset biologi

